



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
Fire and Rescue Department of Malaysia State Of Selangor
No.3 Persiaran Tebar Layar,
Seksyen U8, Bukit Jelutong,
40150 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN



☎ 603-78464444
🌐 <https://www.bomba.gov.my>
📧 operasi_sel@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM/SL/OPS:500-11/2 (72)
Tarikh 4 Jun 2025

KEMBARA KITCHEN MALAYSIA SDN BHD
80G & 82G Jalan Sungai Burung, AA32/AA
Bukit Rimau, 40460 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA KEMBARA KITCHEN MALAYSIA SDN BHD

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara diatas adalah berkaitan.

2. Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Kembara Kitchen Malaysia Sdn Bhd di atas sumbangan dan komitmen berterusan dalam membekalkan makanan kepada anggota bomba yang bertugas semasa operasi bencana diantaranya di tanah runtuh Batang Kali, Banjir Besar Selangor, kebakaran hutan Tg Sepat dan yang terbaru letupan paip gas Putra Height.
3. Sokongan yang dihulurkan oleh pihak tuan/puan bukan sahaja membantu dari segi kebajikan anggota kami, malah turut menyuntik semangat dan moral yang tinggi dalam kalangan petugas kami semasa menjalankan tugas di lapangan, terutamanya dalam situasi yang mencabar dan memerlukan komitmen tinggi.
4. Sumbangan ikhlas dan kerjasama erat daripada Kembara Kitchen Malaysia Sdn Bhd amat kami hargai dan diingati. Semoga hubungan baik dan kerjasama strategik ini dapat diteruskan pada masa hadapan demi kepentingan bersama serta kesejahteraan masyarakat.
5. Keprihatinan pihak tuan amat kami hargai.

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 27001:2015

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(PKPjB WAN MD RAZALI BIN WAN ISMAIL)

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Negeri Selangor